

PROGRAM PENGHARGAAN KEPADA PELANGGAN INDIVIDU SKIM POTONGAN GAJI ANGKASA

- Dilancarkan pada bulan April 2016
- Insurans PA Percuma berjumlah RM20,000 dan Takaful PA Percuma berjumlah RM50,000
- Diberikan kepada pelanggan individu Skim Potongan Gaji ANGKASA (SPGA)
- Untuk mendapatkan Insurans/Takaful PA Percuma, pelanggan individu SPGA akan dihubungi menerusi panggilan telefon ke telefon bimbit mereka melalui "call centre" yang dilantik oleh ANGKASA
- Pelanggan juga boleh melanggan untuk polisi perlindungan Insurans PA dan Takaful PA yang berbayar di mana perlindungan yang lebih tinggi dan manfaat yang lebih banyak disediakan. Sekiranya pelanggan berminat dan bersetuju pembayaran polisi akan dibuat melalui Skim Potongan Gaji Angkasa (SPGA)
- Insurans/Takaful PA yang di tawarkan ialah daripada Chubb Insurance, AIG Insurance dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad.
- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi En Husnaidy Bin Ibrahim, Pengurus Besar anak syarikat ANGKASA iaitu MyAngkasa Holdings Sdn Bhd di talian 011 1670 0011 / 011 2200 0055 atau talian pejabat di 03-7884 6678

ANGKASA Beri Penghargaan Kepada Pelanggan (Petikan dari www.angkasa.coop)

Sejumlah 1.5 juta **pelanggan individu potongan gaji** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bakal **menerima penghargaan** berupa diskaun, baucar dan juga **insurans bernilai sehingga RM20,000**.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, program julung kali diadakan itu bagi **menghargai pelanggan individu potongan gaji ANGKASA** yang mendapatkan perkhidmatan daripada Bahagian Perkhidmatan Kredit dan Perbankan (BPKP) ANGKASA sebagai penyedia perkhidmatan.



"Ia bagi memberi penghargaan secara terus kepada pelanggan individu potongan gaji ANGKASA. Ini yang pertama kali kita buat, sebelum ini tidak ada penghargaan kepada pelanggan," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Program Kesetiaan Pelanggan Individu Potongan Gaji ANGKASA di sini, Rabu.

Abdul Fattah berkata ada dua kategori organisasi pelanggan yang berdaftar dengan ANGKASA yang mana transaksi daripada kedua-dua kategori ini mewujudkan pelanggan individu potongan gaji seramai 1.5 juta.

"Kategori pertama ialah organisasi pelanggan yang mengeluarkan produk seperti produk pembiayaan dan insurans manakala yang kedua ialah organisasi pelanggan majikan yang menjadi pusat pembayar kepada ANGKASA.

"Kategori kedua ini meliputi jabatan dan agensi seperti Jabatan Akauntan Negara, Majlis Daerah Tempatan dan syarikat swasta," katanya.

Abdul Fattah berkata bagi kategori penghargaan pertama, pelanggan individu potongan gaji akan menerima pemberian Kad Mesra Petronas/ANGKASA dengan diskaun dan baucar daripada rakan niaga terpilih seperti Zalora, Petrosains, Resort World Sentosa, Persatuan Automobol Malaysia (AAM), Lost World Hotel, dan Twin Tours Fitness Centre.

"Lain-lain imbuhan termasuk 150 bonus mata ganjaran Mesra untuk kad baharu dan gantian, dan setiap pembelian satu liter bahan api, mereka akan dapat satu mata ganjaran Mesra dan juga pembelian RM1 di kedai Mesra pula akan menerima satu mata ganjaran Mesra dan jemputan eksklusif ke acara yang dianjurkan Petronas (Petroleum Nasional Bhd)," katanya.

Abdul Fattah berkata kategori kedua pula akan menerima insurans kemalangan peribadi bernilai RM20,000 secara percuma selama setahun menerusi satu daripada subsidiari ANGKASA, MyAngkasa Services Sdn. Bhd.

"Insurans secara percuma ini akan membantu melindungi pelanggan individu potongan gaji ANGKASA jika mereka menghadapi musibah yang berkaitan kehilangan upaya akibat kemalangan," katanya.

Beliau juga yakin program seperti ini dapat membantu pelanggan dengan kelebihan yang ditawarkan melalui Kad Mesra Petronas ANGKASA dan berharap jalinan hubungan antara ANGKASA bersama pelanggan organisasi dan individu ini dapat diteruskan untuk kepentingan bersama. - BERNAMA